

24 JUL 2004

Sukan-Skuasy (Wanita)

ATKINSON KALAHKAN NICOL UNTUK REBUT KEJUARAAN TERBUKA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Pemain nombor tiga dunia, Vanessa Atkinson dari Belanda menyekat kemaraan Nicol David buat kali kedua apabila menewaskan pemain tuan rumah itu pada perlawanan akhir kejohanan Skuasy Wanita Terbuka Malaysia di Pusat Skuasy Nasional di Bukit Jalil di sini hari ini.

Nicol, naib juara tahun lepas, gagal meneruskan kecemerlangannya melakukan kejutan apabila menewaskan pemain nombor tujuh dunia, Linda Elriani dari England pada peringkat separuh akhir semalam.

Atkinson, pemain pilihan pertama kejohanan itu, hanya mengambil masa 20 minit untuk mendang mudah ke atas pemain dari Pulau Pinang itu dengan keputusan 9-2, 9-4, 9-0.

Atkinson yang memenangi Terbuka Kuala Lumpur Februari lepas, mendahului 4-0 pada set pertama namun Nicol bangkit dengan dua mata sebelum pemain berusia 28 tahun itu mendapat lima mata lagi untuk menamatkan perlawanan itu dalam masa lima minit.

Dalam set kedua, Nicol mendahului 2-0 sebelum Atkinson menyamakan kedudukan 2-2 menerusi dua servis.

Nicol yang berulang kali membuat kesilapan ketika menyambut dan menghantar bola, memberi mata mudah dan memastikan Atkinson memenangi permainan itu dengan 9-4.

Pada set ketiga, Atkinson yang menewaskan pemain muda negara itu pada peringkat akhir Terbuka Kuala Lumpur, mengutip lapan mata berturut-turut apabila Nicol membuat kesilapan. Beliau menang perlawanan itu dengan keputusan 9-0, sekali gus memenangi kejuaraan.

"Saya jangkakan perlawanan yang sukar tetapi malangnya Nicol tidak menunjukkan permainan terbaiknya hari ini yang merupakan bonus kepada saya. Saya bermain mengikut rancangan saya iaitu menghantar bola ke belakang yang memaksa Nicol melakukan banyak kesilapan," kata Atkinson yang mencatatkan

kemenangan keempatnya musim ini.

Perlawanan akhir itu turut disaksikan oleh Presiden Persatuan Squasy Raket Malaysia (SRAM) Datuk Mokhzani Mahathir yang turut menyampaikan hadiah kepada pemenang, serta Presiden Majlis Olimpik Malaysia Tunku Imran Tuanku Ja'afar.

Ia merupakan kemenangan pertama Atkinson pada Terbuka Malaysia.

Nicol sebaliknya tidak kecewa walaupun tewas kerana masih bergembira dengan kejayaannya semalam menewaskan pemain Britain Linda Elriani.

"Saya memberikan persembahan terbaik hari ini namun Atkinson menguasai permainan, tidak memberi peluang kepada saya untuk bermain mengikut rancangan. Secara mentalnya, saya masih terkejut dengan kejayaan semalam dan untuk melakukan tahap yang sama ia memerlukan banyak tenaga," kata Nicol.

Atkinson menerima US\$2,850 (RM10,830) di atas kejayaan itu manakala

Nicol membawa pulang US\$1,990 (RM7,562).

Nicol yang dilatih Liz Irving, akan menguji keupayannya pada Kejohanan Squasy Terbuka Brunei minggu depan yang menawarkan hadiah berjumlah US\$43,000.

-- BERNAMA

NBB SR LAT